

Mangsa banjir bertambah

Senarai 14/4/12 MS 4.

Tiga lagi kampung direkodkan dinaiki air menjadikan jumlah mangsa 1,223

**NORMAWATI ADNAN,
NOOR' AINON
MOHAMED YUSOF**

IPOH – Masuk hari kedua banjir di Kampar; jumlah mangsa berdaftar di dua pusat pemindahan banjir meningkat kepada 1,223 orang berbanding 1,145 direkodkan, semalam.

Meskipun jumlah mangsa meningkat, mangsa ditempatkan di pusat pemindahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar dan Dewan Orang Ramai Pulau Bergading berkurangan berikutan kebanyakan penduduk menetap di kediaman saudara-mara.

Jurucakap Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dan Bencana Daerah maklumkan, buat masa ini, kawalan

dan pemantauan masih terus dipergiat di lokasi terlibat banjir.

Menurutnya, meskipun hujan, keadaan di semua lokasi banjir masih terkawal dan selamat.

“Bagaimanapun, setakat ini, tiada mangsa di benar pulang ke rumah.

“Sebagai langkah berjaga-jaga, kita kerah ahli Jawatankuasa Pengurusan Bantuan dan Bencana Daerah yang diketuai Pegawai Daerah, Ismail Hassan untuk mengadakan kawalan 24 jam di semua lokasi banjir dan pusat penempatan banjir,” katanya.

Katanya, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga sudah membuat tindakan awal dengan melakukan pemeriksaan dan

INFO

Mangsa yang diselamatkan

06.12 pagi - 15 orang
06.30 pagi - 30 orang
07.00 pagi - 7 orang
08.00 pagi - 10 orang
08.45 pagi - 30 orang

Kampung terlibat

1. Kg Baru Kuala Dipang
2. Kg Kuala Dipang
3. Kg Melayu
4. Kg Batu 20
5. Kg Pisang
6. Kg Pasir
7. Kg Nyor

penyelenggaraan di kawasan ban yang pecah seperti yang disarankan Menteri Besar, kelmarin.

Menurutnya, banjir mengejut yang melanda beberapa kampung, Khamis lalu kejadian terburuk di Kampar sejak 25 tahun lalu apabila menenggelamkan enam kampung dalam masa beberapa minit.

Bagaimanapun, sehingga semalam, tiga lagi

kampung turut dinaiki air iaitu Kampung Changkat Jering, Kampung Jeram dan Kampung Gunung Mesah Hilir menjadikan jumlah keseluruhan kampung yang terlibat adalah sembilan.

Tinjauan mendapati, ada sesetengah kawasan di Kampung Tualang Sekah mula dinaiki air sementara kawasan lain di Kuala Dipang menunjukkan penyusutan.

